

GEOPOLITIK MELAKA DAN PILIHAN POLITIK PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA DUN MELAKA 2021

(Melaka Geopolitics and Voters' Political Choices in The Melaka State Election 2021)

Junaidi Awang Besar

ABSTRAK

Politik Negeri Melaka terkenal sebagai kubu kuat BN sejak sebelum merdeka hingga PRU 2013. Namun pada PRU 2018, Melaka jatuh kepada parti pembangkang iaitu PH. 22 bulan selepas PH memerintah Melaka maka jatuh pula Kerajaan PH dan ditubuhkan Kerajaan BN+PN. Kemudian pada 4 Oktober 2021, empat orang ADUN kerajaan menarik sokongan mereka dan menyatakan sokongan untuk membentuk Kerajaan baharu yang diterajui PH. Namun pada 5 Oktober 2021, Yang Dipertua Negeri Melaka pula membubarkan DUN untuk diadakan satu pilihan raya baharu. Pilihan raya baharu tersebut diadakan dan akhirnya BN menang dengan majoriti dua pertiga. Keputusan pilihan raya tersebut menghasilkan pola pengundian yang menarik untuk dikaji hasil daripada keputusan politik pengundi Melaka. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Melaka dan pilihan politik pengundi dalam PRU DUN Melaka 2021. Berdasarkan analisis data keputusan PRU DUN Melaka 2021, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemenangan BN, kekalahan PH dan sokongan pengundi yang signifikan kepada PN dalam pilihan raya menghasilkan landskap politik yang menarik untuk dikaji. Pilihan raya tersebut menunjukkan bahawa peratus keluar mengundi jatuh berbanding PRU 2018 kerana wabak pandemik COVID-19, rakyat bosan dengan aktiviti politik ahli politik yang tidak berkesudahan dan tiada manfaat bagi mereka untuk turun mengundi. Oleh itu, perubahan pola sokongan pengundi dan kejatuhan peratus keluar mengundi tersebut menunjukkan trend luar biasa yang menarik untuk dianalisis oleh pengkaji politik dan diambil pengajaran oleh pimpinan politik menuju pilihan raya umum akan datang.

Kata kunci: Politik, geopolitik, kerajaan, pilihan raya, pola pengundian

ABSTRACT

Melaka State politics is known as a stronghold of BN since before independence until the 2013 GE. However, in the 2018 GE, Melaka fell to the opposition party, PH. 22 months after PH ruled Melaka, the PH Government fell and the BN+PN Government was formed. Then on October 4, 2021, four government assemblymen withdrew their support and expressed support to form a new PH-led Government. However, on October 5, 2021, the Governor of Melaka dissolved the state legislative assembly to hold a new election. The new election was held and in the end BN won with a two-thirds majority. The election results produced an interesting voting pattern to study as a result of the political decisions of the voters of Melaka. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the geopolitics of Melaka and the political choices of voters in the Melaka 2021 state election. Based on data analysis of the

Melaka state 2021 GE results, field observations and analysis of secondary sources, the findings of the study show that the victory of BN, the defeat of PH and significant turnout to PN in elections produces an interesting political landscape to study. The election showed that the turnout fell compared to the 2018 GE due to the COVID-19 pandemic, the people were tired of the endless politicking activities of politicians and there was no benefit for them to go to the polls. Thus, the change in voter support patterns and the fall in the turnout show an unusual trend that is interesting for analysis by political researchers and lessons learned by political leaders towards the next general election.

Keywords: Politics, geopolitics, government, elections, voting patterns

PENGENALAN

Selepas kemelut politik negara pada Mac 2020 yang berlaku dengan penularan wabak pandemik COVID-19 yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan PH Persekutuan dan Kerajaan PH Melaka, politik negeri ini bergolak sekali lagi dengan kejatuhan Kerajaan BN+PN Melaka akibat penarikan sokongan 4 orang ADUN dalam Kerajaan Melaka. Meskipun penarikan sokongan tersebut telah menjatuhkan Kerajaan BN+PN Melaka dan ADUN tersebut dalam usaha untuk menubuhkan Kerajaan baharu Melaka di bawah PH namun Speaker DUN Melaka pula mengisytiharkan DUN Melaka terbuang dengan mendapat perkenan Yang Dipertua Negeri Melaka yang menyebabkan perlunya diadakan pilihan raya DUN Melaka. Pilihan raya negeri yang diadakan ini menjadi tumpuan ramai pihak kerana diadakan dalam keadaan norma baharu akibat penularan wabak pandemik COVID-19 dengan SOP ketat yang perlu dipatuhi ahli politik dan juga pengundi. Pilihan raya ini juga merupakan medan untuk melihat pengaruh tiga blok parti politik utama di negara ini iaitu BN, PH dan PN dalam usaha mendapat sokongan daripada pengundi. Selain itu, norma baharu bagi jentera parti politik juga bakal diuji dalam pilihan raya ini yang jauh berbeza berbanding PRU 2018. Dalam PRU DUN Melaka ini juga akan memperlihatkan sokongan pengundi Melayu terhadap BN, PN dan PH serta pergerakan pola sokongan pengundi Cina terhadap PH. Peratus keluar mengundi juga boleh dilihat setelah tamat tempoh mengundi kelak. Pilihan raya yang diadakan menyaksikan pertembungan tiga penjurong antara BN, PH dan PN dan hasilnya BN menang dengan mendapat 21 kerusi berbanding PH yang mendapat 5 kerusi dan PN 2 kerusi. Keputusan tersebut memberikan indikator bahawa terdapatnya beberapa pola pilihan politik pengundi yang disebabkan faktor tertentu. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis geopolitik Melaka dan pilihan politik pengundi dalam pilihan raya DUN Melaka 2021.

KAJIAN LEPAS: POLITIK PILIHAN RAYA MELAKA

Kajian mengenai politik pilihan raya di Melaka kurang dilakukan oleh pengkaji politik di negara ini. Tan (1992) dalam kajian politik perkauman di Kota Melaka dalam pilihan raya umum 1969-1990 menjelaskan bahawa kesetiaan kepada parti lebih penting berbanding perkauman di samping faktor peribadi dan gerak kerja calon. Perpaduan dalam kalangan orang Cina juga tidak terjejas walaupun mereka berbeza ideologi politik.

Goo (2002) dalam kajian kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka mendapati faktor kepimpinan dan kelemahan BN menyebabkan DAP terus menguasai

Parlimen Kota Melaka. Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian pola pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) Merlimau (Melaka) menunjukkan undian terhadap UMNO bergantung kepada sokongan oleh kaum Melayu. Ini menguatkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu dalam politik negara hingga masa kini. Pengundi Melayu yang menetap di kawasan luar bandar hanya menerima info daripada media konvensional; yang juga mengalami masalah kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen ‘Politik Pembangunan’. Mereka masih memerlukan bantuan atau ‘tongkat’ serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai ‘tuan’ dan penduduk ‘asal’ di Malaysia. Mereka juga berpandangan bahawa hanya UMNO/BN yang mampu menguruskan negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri.

Ding (2018) serta Ding & Junaidi (2018a & 2018b) dalam kajian mengenai persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen Bukit Katil menyatakan bahawa senario politik di kawasan Parlimen Bukit Katil, Melaka adalah menarik kerana kawasan yang merupakan salah satu “kubu kuat” BN di Melaka ini buat pertama kalinya dalam sejarah politik Parlimen Bukit Katil telah ditawan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang bergabung dengan DAP dan PAS melalui Pakatan Rakyat (PR) pada PRU 2013. Sokongan pengundi terhadap BN telah beralih kepada PKR/PR. Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya mensyorkan cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen Bukit Katil, Melaka. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden memperoleh sumber maklumat persempadanan semula daripada media elektronik dan ia dijadikan sebagai sumber maklumat yang paling dipercayai oleh pengundi. Terdapat responden yang mempunyai pengetahuan dan penyertaan dalam proses persempadanan semula. Hasil daripada kajian impak terhadap persekitaran fizikal, impak terhadap persekitaran sosial, impak terhadap persekitaran ekonomi dan impak terhadap persekitaran politik menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan yang ketara terhadap persoalan yang dikemukakan. Dalam konteks pengaruh persempadanan semula terhadap isu politik pula, responden peka terhadap isu politik yang dekat dengan kehidupan mereka dan dilihat ‘tidak pasti’ dengan isu politik yang bersifat sukar difahami. Justeru, dapatan kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan oleh pihak berkenaan untuk sama ada mengekalkan sokongan ataupun mengembalikan sokongan pengundi kepada pihak berkenaan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Wong (2019) dalam penulisan buku beliau yang bertajuk ‘Politik perkauman dan prospek keharmonian di Malaysia’ menjelaskan bahawa dalam PRU pada 9 Mei 2018, setiap kaum di Malaysia menggulingkan Kerajaan BN termasuk di Melaka yang diketuai oleh UMNO selama 60 tahun dengan undi pada tangan sendiri. Mereka menaruh harapan kepada PH dan menggesa serta berharap Kerajaan Malaysia baharu akan berkhidmat untuk semua rakyat dan menghapuskan dasar perkauman yang tidak menguntungkan pembangunan negara.

Abu Hanifah (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Melaka: makna di sebalik kejatuhan Barisan Nasional dan Kebangkitan Pakatan Harapan’ menjelaskan bahawa gelombang kebangkitan rakyat di bahagian Pantai Barat turut terkena tempias di negeri Melaka sebagaimana dua buah negeri lain iaitu Negeri Sembilan dan Johor. Buat pertama kali dalam sejarah politik Melaka bahawa parti selain BN iaitu PH berjaya membentuk Kerajaan Negeri Melaka namun dengan majoriti mudah iaitu dua kerusi DUN sahaja. Oleh itu, PH dibawah Adly Zahari sebagai Menteri Besar Melaka perlu mengelakkan sebarang konflik dalaman yang boleh meruntuhkan Kerajaan PH di negeri tersebut.

Amalina & Chan (2020) dalam analisis PRU 2018 bagi Negeri Melaka menjelaskan bahawa meskipun PH berjaya merampas Melaka daripada BN namun BN masih mendapat sokongan yang signifikan daripada pengundi Melayu di kawasan luar bandar yang terhad sumber maklumat politiknya di samping merupakan kawasan yang masih memerlukan bantuan parti yang kuat dari segi ekonominya seperti di Jasin dan Tangga Batu. PH hanya berjaya menawan kawasan DUN yang asalnya dimenangi BN di kawasan bandar dan pinggir bandar yang merupakan kawasan campuran etnik yang mempunyai akses maklumat politik yang kuat serta pemikiran pengundi di kawasan tersebut yang mementingkan isu nilai dan integriti.

Junaidi & Lam (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Runtuhnya Penguasaan BN di Melaka dalam PRU-14” menyatakan bahawa kejayaan PH menawan DUN Melaka daripada BN adalah satu peristiwa yang menakjubkan dan di luar jangkaan semua pihak. Namun perubahan politik tersebut disebabkan oleh isu nasional dan tekad untuk menjatuhkan BN oleh pengundi terutamanya golongan muda atau *first time voters*. Meskipun PH berjaya menawan DUN Melaka namun PH hanya menang dengan majoriti tipis iaitu dua DUN sahaja. PH menang di kawasan bandar dan majoriti etnik Cina manakala BN/UMNO terus unggul di kawasan luar bandar dan majoriti etnik Melayu. Begitulah ilmu politik, tiada yang mustahil dan politik itu sendiri bersifat dinamik, berseni dan kadang-kadang sukar dijangka. Dengan itu, semua pihak perlu menerima keputusan politik rakyat Melaka ini dan memberi peluang kepada pimpinan PH negeri untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah di negeri ini untuk melaksanakan manifesto atau ‘aku janji’ sepanjang lima tahun pemerintahan mereka di negeri bersejarah ini.

Junaidi (2021) dalam artikel yang bertajuk “Melaka Dalam Geopolitik Malaysia Pada Pra PRU14, PRU-14 dan Pasca PRU-14” menghujahkan bahawa kejayaan PH menawan DUN Melaka daripada BN adalah satu peristiwa yang luar biasa dan di luar jangkaan semua pihak. Namun perubahan politik tersebut disebabkan oleh isu nasional dan tekad untuk menjatuhkan BN oleh pengundi terutamanya golongan muda atau *first time voters*. Meskipun PH berjaya menawan DUN Melaka namun PH hanya menang dengan majoriti tipis iaitu 2 DUN sahaja. PH menang di kawasan bandar dan majoriti etnik Cina manakala BN/UMNO terus unggul di kawasan luar bandar dan majoriti etnik Melayu. Kemudian apabila BERSATU keluar daripada PH dan membentuk Perikatan Nasional (PN) bersama-sama dengan BN, PAS, GPS dan GBS yang menguasai Kerajaan Persekutuan pada Mac 2020 maka Kerajaan Negeri Melaka juga jatuh daripada PH kepada PN yang diketuai BN hasil daripada lompat parti oleh dua ADUN BERSATU, satu ADUN PKR dan satu ADUN DAP menjadikan PN menguasai 17 kerusi DUN manakala PH hanya tinggal 11 kerusi DUN.

METOD DAN KAWASAN KAJIAN

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer ialah menggunakan pemerhatian di lapangan (data kualitatif) dan data keputusan PRU bagi Negeri Melaka (data kuantitatif). Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen pilihan raya yang merangkumi perang poster, *banner*, *bunting* dan *billboard* serta penyebaran risalah biodata calon, risalah manifesto parti, risalah projek pembangunan yang telah dilaksanakan; sesi ceramah secara langsung dan ceramah rakaman dalam media sosial seperti *facebook*, *Istagram*, *Twitter*, *Whatsapp* dan *youtube*; sesi *walkabout* calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik

masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian. Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU-14 bagi Negeri Melaka pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik. Penelitian terhadap data keputusan PRU-14 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih terperinci dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperolehi dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dan juga pemerhatian penyelidik dalam media elektronik berkaitan kempen pilihan raya DUN Melaka seperti dalam TV1, TV3, ASTRO AWANI, BERNAMA TV dan TV Alhijrah dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media alternatif/sosial seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (*facebook, twitter dan email*) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data keputusan PRU bagi Negeri Melaka serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan bercetak dan atas talian (internet).

Bahagian Pilihan Raya di Melaka dari segi statistik pemilih atau pengundi pada pilihan raya umum (PRU) DUN Melaka 2021, jumlah pengundi yang direkodkan di Melaka adalah seramai 495,196 orang. Daripada jumlah tersebut, pengundi biasa ialah 482,550 orang; 10,191 anggota tentera dan pasangan; 2,349 anggota polis; dan 106 pengundi tidak hadir luar negara. Negeri Melaka mempunyai 6 buah kawasan parlimen iaitu P134 Masjid Tanah, P135 Alor Gajah, P136 Tangga Batu, P137 Hang Tuah Jaya, P138 Kota Melaka dan P139 Jasin (Lihat Rajah 1)

Bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, negeri Melaka mempunyai 28 buah kawasan iaitu N1 Kuala Linggi, N2 Tanjung Bidara, N3 Ayer Limau, N4 Lendu, N5 Taboh Naning, N6 Rembia, N7 Gadek, N8 Machap Jaya, N9 Durian Tunggal, N10 Asahan, N11 Sungai Udang, N12 Pantai Kundor, N13 Paya Rumput, N14 Kelebang, N15 Pengkalan Batu, N16 Ayer Keroh, N17 Bukit Katil, N18 Ayer Molek, N19 Kesidang, N20 Kota Laksamana, N21 Duyong, N22 Bandar Hilir, N23 Telok Mas, N24 Bemban, N25 Rim, N26 Serkam, N27 Merlimau dan N28 Sungai Rambai (Lihat Rajah 1).

Rajah 1: Peta Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah



Sumber: Diadaptasi daripada SPR (2018)

HASIL KAJIAN DAN ANALISIS PERBINCANGAN

Keputusan PRU DUN Melaka 2021

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan keputusan rasmi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) menang 21 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Kemenangan selesa itu menyaksikan BN berjaya membentuk Kerajaan Negeri Melaka yang baharu dengan majoriti dua pertiga. Pakatan Harapan (PH) berjaya memenangi lima kerusi, manakala Perikatan Nasional (PN) pula menang dua. Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA), Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) dan calon Bebas pula tidak memenangi sebarang kerusi yang ditandingi. Statistik SPR menunjukkan BN menang di DUN Kuala Linggi, Tanjung Bidara, Ayer Limau, Lendu,

Taboh Naning, Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Asahan, Pantai Kundor, Paya Rumput, Kelebang, Pengkalan Batu, Ayer Molek, Duyong, Telok Mas, Rim, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai. PH pula menang di Ayer Keroh, Bukit Katil, Kesidang, Kota Laksamana dan Bandar Hilir, manakala PN menang di Sungai Udang dan Bemban. Jumlah individu keluar mengundi antara jam 8 pagi hingga 5.30 petang adalah 326,068 atau 65.85 peratus daripada keseluruhan 495,195 pengundi berdaftar di Melaka. Jumlah itu merangkumi pengundi biasa, pengundi awal dan pengundi pos yang sudah menjalankan tanggungjawab dalam PRN tersebut. Bagaimanapun, peratusan keluar mengundi itu merosot berbanding 84.7 peratus yang dicatatkan di Melaka pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), selain tidak menepati sasaran asal SPR iaitu 70 peratus. BN juga berjaya mengungguli dengan undi popular sebanyak 40 peratus iaitu 122,741 undi, diikuti PH (33 peratus/114,457 undi) dan PN (24 peratus/77,731 undi).

Faktor Sokongan Pengundi Kepada Parti Politik dalam PRU DUN Melaka 2021

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemenangan BN (UMNO, MCA dan MIC) dalam pilihan raya tersebut boleh dibahagikan kepada 7 faktor iaitu faktor pengaruh parti tersebut yang sudah lama dikenali pengundi; jasa kepimpinan dan Kerajaan BN Melaka terhadap rakyat Melaka; kepercayaan dan keyakinan pengundi menetap terhadap BN; kesetiaan dan keutuhan semangat keMelayuan pengundi; penyelesaian pengundi terhadap BN sebagai pemerintah yang stabil; jentera kempen BN yang kuat dan berpengalaman; dan calon baharu yang segar.

Bagi faktor pertama iaitu pengaruh parti tersebut yang sudah lama dikenali pengundi, BN yang ditunjangi UMNO yang dahulunya dikenali sebagai Perikatan sudah lama bertanding dalam pilihan raya umum termasuk di Melaka iaitu sejak pilihan raya pertama lagi pada 1955. BN atau lebih dikenali sebagai UMNO oleh pengundi di Melaka konsisten bertanding dalam setiap pilihan raya umum yang sehingga kini sudah 15 kali diadakan di semua kawasan majoriti Melayu manakala MCA dan Gerakan yang turut berada dalam komponen BN. Dalam diri pengundi tersemat bahawa Perikatan/BN ini sudah begitu lama dan sudah begitu dikenali sejak puluhan tahun lagi. Secara psikologinya juga pengundi akan memilih apa yang lebih dikenali berbanding yang tidak atau kurang dikenali. Oleh itu, sebahagian besar pengundi terutamanya pengundi Melayu berusia, sederhana dan miskin serta menetap di kawasan mereka terus mengundi BN dalam PRU DUN Melaka 2021.

Bagi faktor kedua iaitu jasa kepimpinan dan Kerajaan BN Melaka terhadap rakyat Melaka, seperti mana semua sedia maklum bahawa BN sudah memerintah Negeri Melaka sejak PRU-1 sehinggalah PRU-13. Telah banyak jasa dibuat Kerajaan BN Melaka sepanjang hampir 60 tahun memerintah negeri tersebut melalui projek pembangunan fizikal seperti pembinaan jalan raya, fasiliti bekalan air dan elektrik, perumahan awam, kemudahan awam, premis perniagaan; taman rekreasi dan pelancongan dan juga pembangunan kemanusiaan seperti bantuan kebajikan, insentif kejasaaan, penerapan nilai kerohanian/spritual, dan pembangunan motivasi diri. Jasa tersebut dapat dilihat ketika pemerintahan Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Adib Adam, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Dato' Abu Zahar Isnin, Dato' Seri Wira Mohd Zin Ghani, Dato' Seri Ali Rustam dan Dato' Seri Idris Haron sebagai Ketua Menteri Melaka. Oleh itu, jasa dalam pembangunan negeri ini turut dijadikan alasan atau sandaran untuk terus mengekalkan sokongan terhadap BN dalam PRU DUN Melaka 2021.

Faktor ketiga adalah kepercayaan dan keyakinan pengundi menetap terhadap BN. Berbekalkan tahap kenal dan jasa BN yang dilakukan ketika pemerintahan beberapa Ketua

Menteri maka pengundi terutamanya pengundi menetap merasa percaya dan yakin bahawa hanya BN/UMNO yang layak dan sesuai memerintah negeri ini. Kepercayaan dan keyakinan ini diperkukuhkan lagi dengan sumber maklumat politik daripada media arus perdana yang dikuasai BN serta projek pembangunan dan bantuan kebajikan yang berterusan yang diberikan Kerajaan BN sejak sekian lama. BN Melaka juga mempunyai kepimpinan yang mesra rakyat, kerap turun padang, berpengalaman, dikenali, berjasa, tidak lokek dan ada yang tidak mementingkan protokol ketika bertemu rakyat. Ini yang menjadikan pengundi percaya dan yakin untuk memberi mandat bagi memerintah Melaka sehinggalah pilihan raya terkini.

Faktor keempat adalah kesetiaan dan keutuhan semangat keMelayuan pengundi. Sejak PRU pertama hinggalah sekarang, Melaka terkenal dengan negeri kubu kuat BN/UMNO selain daripada Negeri Sembilan dan Johor. UMNO sudah bertapak menjalankan aktiviti di negeri Melaka sudah sekian lamanya dan menjadi ingatan disanubari rakyat Melaka. Ini menjadikan semangat kebangsaan keMelayuan UMNO begitu kuat dan kental sekali terutamanya bagi golongan tua dan berlatar belakang sosioekonomi yang sederhana dan rendah. Mereka mempunyai semangat daya juang dan kesetiaan yang tinggi terhadap bangsa mereka yang diperjuangkan UMNO. Identifikasi kepartian ini diperkukuhkan dengan kefahaman ideologi yang tinggi untuk mempertahankan dan memperkukuh hak serta keistimewaan orang Melayu di samping pengaruh kekeluargaan dan persekitaran lingkungan mereka yang majoritinya dihuni orang UMNO. Justeru itulah kesetiaan dan keutuhan semangat keMelayuan yang mencetuskan keUMNOan pengundi seterusnya diterjemahkan dalam bentuk sokongan atau undian dalam pilihan raya negeri Melaka 2021.

Faktor kelima adalah keselesaan pengundi terhadap BN sebagai pemerintah yang stabil. BN iaitu dalam konteks pemerintahan di Melaka terbukti telah membawa kestabilan sosiopolitik dan sosiokonomi rakyat sejak sekian lamanya. Rakyat hidup aman damai di negeri ini dengan projek pembangunan, perpaduan rakyat dan keselesaan dalam kehidupan rakyat Melaka. Dengan pengalaman dan kerjasama daripada kakitangan kerajaan dan rakyat, sebarang permasalahan atau isu yang berlaku di negeri ini dapat ditangani dengan baik dan bijaksana oleh kepimpinan negeri yang diterajui BN. Kerajaan BN Melaka juga bersikap pragmatik iaitu mengikut arus kemajuan semasa dan cuba memenuhi selera atau kehendak rakyat Melaka. Maka dengan itulah rakyat Melaka selesa dengan cara pemerintahan BN di negeri ini dan terus menyokong BN dalam PRU DUN Melaka 2021.

Faktor keenam adalah jentera kempen BN yang kuat, sistematik/teratur dan berpengalaman. Jentera kempen BN seperti semua sedia maklum adalah jentera pilihan raya terkuat di negara ini kerana faktor kewangan, logistik dan kebijaksanaan ahli jentera parti untuk berkempen dalam apa jua keadaan terutamanya ketika di lapangan. BN terutamanya UMNO mempunyai jentera daripada pelbagai sayap ahlinya iaitu wanita, puteri, pemuda malahan veteran yang bergerak serentak mengikut jadual atau masa, lokasi dan latar belakang pengundi yang telah ditetapkan. UMNO juga mempunyai jentera kempen jangka panjang yang khas iaitu Jalinan Rakyat (JR) dan Ketua 10 (K10) yang dijalankan oleh wanita UMNO sepanjang 5 tahun tempoh masa menuju PRU malahan terus disambung setiap 5 tahun untuk mendapat sokongan pengundi atas pagar di samping gerakan pendaftaran pemilih baru dari semasa ke semasa. Jentera kempen BN/UMNO yang kuat dan sistematik ini diketahui malah diyakini pengundi untuk menyokong parti tersebut dalam sebarang pilihan raya di Malaysia malahan di Melaka.

Faktor ketujuh adalah calon baharu yang segar. BN membuat perubahan besar dengan meletakkan 86 peratus calon baharu dan muda pada PRU DUN Melaka iaitu hanya 4 calon lama dikekalkan. Perkara tersebut adalah pendekatan baru bagi BN bagi memastikan

supaya dapat mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap BN. BN berharap agar pengundi berfikir untuk mengundi parti yang boleh bawa kestabilan dan keamanan serta kesejahteraan kepada rakyat di negeri Melaka. BN secara solo menurunkan 28 calon di 28 DUN dengan pembahagian 20 calon UMNO, tujuh calon MCA dan 1 calon MIC. Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengadakan rundingan mengenainya diadakan bersama Pengarah Pilihan Raya Datuk Seri Mohamad Hasan dan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Menurut Zahid lagi, calon mesti ada sifat wali iaitu *winnable* (menang), *acceptable* (diterima) dan *likeable* (disukai). Tidak boleh ada '*under table*' dan ada 'kabel'. Sifat wali ertinya mempunyai ilmu yang boleh diterima oleh semua agama, kaum dan keturunan di Melaka. Bagaimanapun, beliau berkata, beberapa calon lama yang pernah memegang jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri itu dikekalkan. Calon baharu dan juga muda ini dapat mengekalkan sokongan pengundi parti dan memulihkan kepercayaan pengundi atas pagar pada PRU DUN kali ini. Calon baharu dan muda juga diharapkan dapat melenyapkan kesilapan pimpinan lalu seterusnya membawa idea baharu dan lebih mantap untuk kemajuan dan kemakmuran rakyat Melaka.

PH (PKR, DAP dan AMANAH) tewas di 10 kerusi yang mereka menang pada PRU 2018 iaitu di Bemban, Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Paya Rumput, Kelebang, Pengkalan Batu, Duyong dan Telok Mas serta terus tewas di kubu BN di kawasan majoriti Melayu di pedalaman dan pesisir pantai kerana 5 faktor iaitu pengundi luar dan muda kurang turun mengundi; SOP kempen ketat menyukarkan mereka untuk berkempen secara besar-besaran seperti ceramah dan *walkabout*; hilang keyakinan pengundi terhadap PH; komunikasi antara parti komponen PH yang lemah; dan calon PH tidak atau kurang dikenali serta luar kawasan.

Faktor pertama adalah pengundi luar dan muda kurang turun mengundi. Statistik peratusan keluar mengundi menunjukkan bahawa hanya 65.85 peratus turun mengundi dalam PRU DUN Melaka 2021 berbanding 84.7 peratus yang dicatatkan pada Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018. Ini menunjukkan adanya defisit 20 peratus antara PRU DUN 2021 dengan PRU 2018 di Melaka. Pengundi luar terutamanya pengundi muda merupakan pengundi yang menyumbang kemenangan PH pada peringkat nasional malahan di Melaka. Pengundi luar mempunyai akses maklumat daripada sumber internet yang tinggi yang cepat mempercayai isu yang dibawa melalui media tersebut yang majoritinya pro-PH. Pengundi yang tinggal di luar kawasan tidak turun mengundi kerana mereka masih bimbang dengan rebakan wabak pandemik COVID-19; muak atau bosan dengan aktiviti berpolitik ahli politik yang tidak berkesudahan; tidak setuju dengan PRN ketika Covid-19 yang belum reda serta kemelesetan ekonomi; tidak dapat cuti bekerja/belajar; menganggap PRN tersebut tidak penting serta membuang masa, tenaga dan wang perjalanan pergi dan pulang; dan tekad untuk turun mengundi pada PRU 2018 telah tercapai dengan BN atau Dato' Seri Najib telah tewas pada peringkat Persekutuan serta GST sudah dihapuskan. Selain itu, pengundi luar yang kebanyakannya bekerja di negeri maju seperti Selangor dan Pulau Pinang tidak merasai suasana pembangunan di negeri tempat mereka mengundi. Pada PRU 2018, PH mendapat 175,657 undi popular berbanding 114,457 undi popular pada PRU DUN 2021. Ini menunjukkan berlakunya kurangan 61,200 undi. Namun daripada 61,200 undi berkurang tersebut terdapat juga sebahagian kecil undi berjaya diperolehi PAS dan BN. Oleh itu, kadar keluar mengundi yang rendah turut menyebabkan PH tewas di 10 kerusi yang mereka menangi pada PRU 2018.

Faktor kedua adalah SOP kempen ketat menyukarkan mereka untuk berkempen secara besar-besaran seperti ceramah dan *walkabout*. PH mendapat sokongan secara pukal

dan besar apabila mereka mengadakan ceramah mega yang disampaikan oleh tokoh besar pimpinan mereka. Namun oleh kerana rebakan wabak pandemik COVID-19 yang belum reda maka perlu dilakukan iaitu SOP yang ketat. Ceramah terbuka dan bersemuka tidak dibenarkan manakala sesi *walkabout* diterhadkan kepada maksimum 3 orang sahaja dalam satu masa dan satu tempat. Kedua-dua keadaan ini menyukarkan jentera PH untuk memperkenalkan calon mereka semaksimum mungkin. Meskipun pengenalan calon dan ceramah boleh diadakan secara maya atau atas talian namun tidak semua pengundi terutamanya pengundi atas pagar yang tidak celik IT dapat mengenali calon secara langsung. Ini menyebabkan calon PH terutamanya yang baharu tidak dikenali pengundi.

Faktor ketiga adalah hilang keyakinan pengundi terhadap PH. Terdapat sebahagian pengundi PH yang telah beralih sokongan kepada BN dan PH disebabkan kegagalan PH ketika menjadi Kerajaan Pusat melaksanakan manifesto pilihan raya dengan menyatakan manifesto bukan 'kitab suci' untuk dipatuhi; pembatalan bantuan kebajikan rakyat dan projek besar oleh Kerajaan BN; ketidakstabilan politik dan sosioekonomi akibat isu perkauman, dan kelembapan ekonomi; dan juga lambat dalam melaksanakan tindakan/keputusan besar. Antara 20 isu atau tuduhan yang melibatkan kepentingan Melayu dan Bumiputera yang dimainkan dalam media sosial untuk menonjolkan kelemahan dan kerakusan PH terutamanya DAP yang dilihat berjaya mempengaruhi persepsi rakyat terutamanya orang Melayu adalah seperti berikut iaitu memecat 17,000 pegawai dan kakitangan kontrak; menghapuskan JASA, BTN, SERANTA FELDA dan SPAD; memindahkan aset TH RM19 billion ke syarikat bawah MOF; Teo Nee Ching wujudkan Petugas Khas untuk mengkaji pendidikan Islam dan yang bukan Islam boleh bagi pendapat; menjual aset LTAT termasuk hotel 5 bintang; 76% asset ladang TH (80,000 ekar) dijual dan dalam proses; Peguam Negara iaitu Tommy Thomas menggugurkan semua dakwaan melibatkan orang mereka; memberi bantuan pada sekolah swasta dan kolej Cina yang berkiblat ke Taiwan dan guna sijil UEC; memotong peruntukan sekolah kebangsaan lebih dari RM500 juta. Dana diberi kepada Sekolah Cina dan India; menjual aset ladang gula Felde di Perlis; menjual aset strategik Khazanah; membatalkan peruntukan RM2.5 bilion untuk bina sekolah di Sabah dan Sarawak; mahu hapuskan elaun kritikal dan pencen Penjawat Awam; program PLKN dibatalkan. Kem PLKN ditutup; mewujudkan Tabung Harapan dan lesapkan kutipan orang awam lebih RM200 juta; ganti GST dengan SST yang penuh dengan ketirisan; refund cukai pada pengelak cukai; pecat 45,000 orang kakitangan pencuci dan sekuriti sekolah yang melibatkan lebih 1600 syarikat; program untuk kurangkan jumlah Penjawat Awam (melayu) sebanyak 5% setiap tahun; dan hapuskan unit khas PDRM seperti STAGG, STING, STFOC untuk benteras kongsi gelap, mafia, teroris komunis dan LTTE. Justeru, permainan dan manipulasi isu ini dapat mempengaruhi minda pengundi Melayu atas pagar yang menyebabkan mereka takut atau bimbang dengan isu tersebut maka mereka mengalih sokongan mereka daripada PH ke BN atau PN.

Faktor empat adalah komunikasi antara parti komponen PH yang lemah. Dalam PRU DUN Melaka, jentera PH bergerak mengikut kerusi parti komponen yang bertanding iaitu jentera DAP bergerak di kawasan DAP bertanding, begitu juga dengan PKR dan AMANAH. Ini menyebabkan panyokong parti komponen PH lain dalam kawasan DUN berkenaan merasakan terpinggir maka mereka sama ada tidak turun mengundi atau menyokong calon lawan. Justeru, kesepaduan jentera kempen PH yang lemah ini lagi menyukarkan mereka untuk menang malahan psikologi pengundi atas pagar menunjukkan bahawa jentera PH lemah dan tidak bersatu maka ini menyebabkan mereka tidak yakin untuk menyokong PH dalam pilihan raya tersebut.

Faktor empat adalah calon PH yang tidak atau kurang dikenali serta luar kawasan. Daripada keseluruhan 28 kerusi DUN, PKR bertanding di 11 kerusi, AMANAH sembilan kerusi dan DAP lapan kerusi. Pembahagian kerusi dalam amalan politik bersama parti-parti ini, satu proses yang panjang, dari peringkat DUN ke peringkat negeri dan negeri diberikan ruang yang panjang untuk berbahas dan memuktamadkan. Selepas itu barulah dikemukakan ke jawatankuasa khas mewakili pimpinan parti sebelum dibawa ke Majlis Presiden. Namun kebanyakan calon PH tidak dikenali pengundi kerana calon baru bertanding dan tidak sempat turun padang dengan masa yang sesuai. Malahan terdapat calon yang terlalu muda dan masih belajar di universiti yang berumur 21 tahun. Justeru bagi pengundi yang mementingkan calon, calon yang tidak dikenali, terlalu muda, tiada kelulusan akademik yang baik agak sukar bagi mereka untuk memilih calon berkriteria tersebut yang akan berkhidmat selama 5 tahun dengan pelbagai isu dan masalah setempat yang perlu diatasi secepat dan sebaik mungkin.

PN iaitu BERSATU, PAS dan GERAKAN pula berjaya mendapat sokongan daripada pengundi Melayu lebih tinggi berbanding PH kerana 4 faktor iaitu jasa Kerajaan PN+BN yang dikemudi Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dalam menangani wabak Covid; peralihan undi PH dan BN kepada PN; calon muda, profesional dan dilihat bersih; dan faktor perkauman.

Faktor pertama adalah jasa Kerajaan PN+BN yang dikemudi Perdana Menteri iaitu Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dalam menangani wabak Covid. Kerajaan PN+BN+GPS dibawah Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sempat memerintah negara selama 17 bulan (Mac 2020 - Ogos 2021). Beliau memerintah negara dalam keadaan negara menghadapi wabak pandemik COVID-19 yang turut dialami seluruh dunia. Jasa beliau kepada rakyat sepanjang 17 bulan sebagai Perdana Menteri adalah bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada rakyat iaitu Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) 2020, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) 2021, darurat kesihatan dan pemberian suntikan vaksin Covid-19 2021 secara berkala. Untuk memulihkan kemusnahan ekonomi mikro (ekonomi individu dan keluarga) pula, Kerajaan Malaysia di bawah teraju beliau telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN), moratorium bayaran pinjaman bank dan bantuan perniagaan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) pula bermatlamat untuk memerangi wabak Covid19, memelihara kesejahteraan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan. Ketika pemerintahan beliau juga, Kerajaan Malaysia dibawah pemerintahan beliau melaksanakan dasar kerajaan berkaitan penularan wabak ini secara spontan dengan memperkenalkan Sekatan Jalan Raya (SJR) melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) fasa 1 hingga 4 bermula pada Mac 2020 hingga sekarang (Januari 2022). dasar kebajikan merakyat yang terus kepada rakyat ini disukai rakyat dan sekurang-kurangnya jasa beliau sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi PN diingati dan dihargai rakyat yang seterusnya diterjemahkan kepada sokongan terhadap calon PN dalam PRU DUN Melaka 2021.

Faktor kedua adalah peralihan undi PH dan BN kepada PN. Keputusan PRU DUN Melaka 2021 menunjukkan PN yang bertanding di kesemua 28 kerusi DUN berjaya mendapat undi popular sebanyak 77,731 undi. Namun undi popular bagi PH dan BN yang turut bertanding di kesemua 28 kerusi DUN menurun antara kedua-dua pilihan raya tersebut. Pada PRU 2018, PH mendapat 175,657 undi popular berbanding 114,457 undi popular pada PRU DUN 2021. Ini menunjukkan berlakunya kurangan 61,200 undi. Bagi BN pula, pada

PRU 2018, parti tersebut mendapat 149,847 undi popular berbanding 122,741 undi popular pada PRU DUN 2021. Ini menunjukkan berlakunya kurangan 27,106 undi. Bagi PAS pula, pada PRU 2018 mereka bertanding di 24 kerusi dengan memperoleh undi popular sebanyak 44,537 undi. PAS merupakan salah satu parti komponen PN dalam PRU DUN Melaka 2021. Justeru jika undi PAS kekal (44,537 undi) dalam PRU DUN Melaka 2021 dan undi keseluruhan PN dalam PRU DUN tersebut 77,731 undi bermakna PN berjaya menarik undi BN/UMNO dan PH sebanyak 33,194 undi. Oleh itu, walaupun PN hanya menang 2 kerusi daripada 28 kerusi yang ditandingi mereka namun sekurang-kurangnya PN terutamanya calon daripada BERSATU berjaya mendapat undi popular yang tinggi terutamanya di kawasan majoriti pengundi Melayu sebagai tempat kedua tertinggi selepas BN/UMNO, manakala PH mendapat tempat ketiga.

Faktor ketiga adalah calon muda, profesional dan dilihat bersih. PN meletakkan calon di kesemua 28 DUN Melaka. BERSATU bertanding di 15 kerusi sementara PAS meletakkan calon di lapan kerusi dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) pula mempertaruhkan calon di lima kerusi. Sebanyak 43 peratus calon yang ditampilkan berusia 40 tahun ke bawah dengan sebahagian besarnya terdiri daripada golongan profesional dan berpendidikan tinggi serta komited demi kepentingan dan kebajikan rakyat. Bagi pengundi yang mementingkan penampilan calon, PN berkelebihan kerana mempunyai ramai calon yang muda, profesional dan dilihat bersih terutamanya daripada PAS. Terdapat sebahagian pengundi mementingkan penampilan calon beragama kerana pemimpin yang beragama berakhlak baik, boleh mendidik, boleh menjadi imam solat dan mengemudi majlis tahlil, boleh dipercayai, setia dan taat kepada pimpinan atasan serta keluarga calon boleh dicontohi cara didikan dan akhlaknya. Namun dalam PN, calon BERSATU lebih mendapat sokongan pengundi kerana aura Presiden BERSATU dengan imej 'abah' yang rapat dan mesra rakyat serta pernah menjadi Perdana Menteri yang banyak berjasa dalam konteks membantu aspek kebajikan rakyat.

Faktor keempat adalah faktor perkauman. Jika dalam PRU 2018, majoriti pengundi Melayu mengundi PH berbanding PAS yang kini menyertai PN. Namun pada PRU DUN Melaka 2021, situasi berlaku sebaliknya apabila majoriti pengundi Melayu menyokong calon PN. Pengundi Melayu dilihat mengambil iktibar daripada penguasaan PH terhadap Kerajaan Pusat yang dilihat menggugat kuasa dan hak orang Melayu melalui tindakan DAP seperti yang telah dijelaskan dalam faktor ketiga punca kekalahan PH di kawasan campuran dan majoriti Melayu. Justeru, bagi orang Melayu yang tidak suka BN/UMNO kerana parti tersebut terlibat mengadakan pilihan raya ketika penularan wabak COVID-19 dan kepimpinan UMNO yang bermasalah serta korup, mereka lebih selesa dan selamat menyokong PN yang mempunyai 2 parti politik Melayu iaitu PAS dan BERSATU yang dilihat masih boleh menjaga kepentingan orang Melayu di negara ini dan juga di Melaka.

Pola Pengundian

Secara keseluruhannya, PRU DUN Melaka 2021 menunjukkan bahawa peratus keluar mengundi jatuh berbanding PRU 2018. Statistik peratusan turun mengundi menunjukkan bahawa hanya 65.85 peratus turun mengundi dalam PRU DUN Melaka 2021 berbanding 84.7 peratus yang dicatatkan pada Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018. Ini menunjukkan adanya defisit 20 peratus antara PRU DUN 2021 dengan PRU 2018 di Melaka. Penurunan kadar keluar mengundi sama ada oleh pengundi menetap mahupun pengundi luar adalah kerana 3 faktor iaitu rebakan wabak pandemik COVID-19 yang masih belum selesai, rakyat bosan

dengan aktiviti *politiking* ahli politik yang tidak berkesudahan dan tiada manfaat bagi mereka untuk turun mengundi. Majoriti pengundi tidak turun mengundi kerana mereka masih takut dengan rebakan wabak pandemik COVID-19 yang masih belum selesai. Aktiviti pilihan raya melibatkan proses sosialisasi atau percampuran ketika hari penamaan calon, kempen dan hari pembuangan undi. Apabila terkena wabak tersebut maka perlulah kuarantin selama 2 minggu dan inilah yang menyebabkan mereka takut untuk pulang mengundi. Ini kerana pengidap wabak tersebut boleh dalam keadaan tidak bergejala atau di luar jangkaan pegawai perubatan. Selain itu, rakyat bosan dengan aktiviti *politiking* ahli politik yang tidak berkesudahan. Bagi mereka, aktiviti berpolitik yang bertujuan untuk berkuasa hanya akan menguntungkan ahli politik dan pengikut mereka. Oleh itu, apa yang penting adalah kebajikan rakyat diutamakan dan masalah sosioekonomi perlu diselesaikan dengan baik dan pantas. Seterusnya adalah tiada manfaat bagi mereka untuk turun mengundi. Bagi mereka, mengundi adalah memenatkan dan membuang masa. Satu undi mereka tidak penting untuk negeri dan negara. Apabila mengundi, satu parti politik dan seorang calon menang namun pengundi masih dalam keadaan yang sama sama ada sebelum mengundi mahupun selepas mengundi.

Pola pengundian dapat dilihat kepada 6 perkara iaitu pola undi berdasarkan kaum, pola bandar-luar bandar, pola pedalaman-pesisir pantai, pola undi pengundi tua-muda, pola undi pengundi menetap-luar dan pola undi mengikut parti politik. Bagi pola undi berdasarkan kaum, BN menang di kawasan majoriti Melayu iaitu di N1 Kuala Linggi, N2 Tanjung Bidara, N3 Ayer Limau, N4 Lendu, N5 Taboh Naning, N12 Pantai Kundor, N23 Telok Mas, N25 Rim, N26 Serkam, N27 Merlimau dan N28 Sungai Rambai. BN turut menang di kawasan campuran iaitu di N6 Rembia, N7 Gadek, N8 Machap Jaya, N9 Durian Tunggal, N10 Asahan, N13 Paya Rumput, N14 Kelebang, N15 Pengkalan Batu, N18 Ayer Molek dan N21 Duyong. PH menang di kawasan majoriti Cina iaitu di N16 Ayer Keroh, N19 Kesidang, N20 Kota Laksamana dan N22 Bandar Hilir. PH turut menang di kawasan campuran iaitu di N17 Bukit Katil. PN pula menang di kerusi Melayu di N11 Sungai Udang serta kerusi campuran di N24 Bemban. BN menang di kawasan majoriti Melayu kerana semangat perkauman Melayu melalui UMNO yang kuat serta masih memerlukan bantuan kebajikan di kawasan tersebut. PH menang di kawasan majoriti Cina kerana kaum Cina boleh hidup berdikari dan mementingkan politik nilai. Kemenangan parti politik di kawasan campuran pula bergantung kepada sokongan majoriti etnik tertentu, contohnya BN menang di kawasan campuran dengan sokongan penuh orang Melayu seperti di N6 Rembia, N7 Gadek, N8 Machap Jaya, N9 Durian Tunggal, N10 Asahan, N13 Paya Rumput, N14 Kelebang, N15 Pengkalan Batu, N18 Ayer Molek dan N21 Duyong.

Bagi pola undian bandar-luar bandar, BN menang di kawasan luar bandar iaitu di N1 Kuala Linggi, N2 Tanjung Bidara, N3 Ayer Limau, N4 Lendu, N5 Taboh Naning, N12 Pantai Kundor, N23 Telok Mas, N25 Rim, N26 Serkam, N27 Merlimau dan N28 Sungai Rambai, N6 Rembia, N7 Gadek, N8 Machap Jaya, N9 Durian Tunggal, N10 Asahan, N13 Paya Rumput dan N18 Ayer Molek. PH menang di kawasan bandar iaitu di N16 Ayer Keroh, N19 Kesidang, N20 Kota Laksamana dan N22 Bandar Hilir. BN menang di kawasan luar bandar yang masih memerlukan pembangunan berterusan. PH pula menang di kawasan bandar yang sudah mempunyai semua kemudahan, oleh itu mereka lebih mementingkan politik nilai integriti dan keadilan untuk semua pihak.

Bagi pola pengundian pedalaman-pesisir pantai, didapati BN memonopoli kedua-dua kawasan tersebut namun antara PH dan PN, PN mendapat undi yang lebih tinggi berbanding PH di kedua-dua kawasan tersebut kerana majoriti sokongan etnik Melayu lebih memihak kepada PN di kedua-dua kawasan tersebut.

Bagi pola undi pengundi muda-tua, didapati pengundi tua lebih memihak kepada BN manakala pengundi muda terutamanya pengundi menetap lebih cenderung menyokong PN. Pengundi tua lebih yakin kepada BN kerana faktor sejarah dan jasa BN kepada orang lama. Pengundi muda pula lebih mementingkan integriti serta bantuan kebajikan yang pernah diberikan PN sebagai Kerajaan Pusat sebelum ini.

Bagi pola undi pengundi menetap-luar, didapati pengundi menetap lebih cenderung menyokong BN dan PN manakala pengundi luar majoritinya menyokong PH. Pengundi setempat mementingkan calon setempat dan dikenali yang diwakili BN dan PN. Pengundi luar pula mengundi berdasarkan logo parti dan tidak kisah calonnya.

Bagi pola undi mengikut parti komponen dalam BN, PH dan PN, bagi BN, secara purata bagi DUN yang ditandingi UMNO mendapat undi yang tertinggi, diikuti MIC dan MCA. Bagi PH pula, DAP mendapat undi tertinggi diikuti PKR dan AMANAH. Akhirnya bagi PN pula, BERSATU mendapat undi tertinggi, diikuti PAS dan GERAKAN.

Bagi pola sokongan parti politik antara 2 pilihan raya (PRU 2018 dengan PRU DUN 2021), UMNO memenangi 16 kerusi pada 2021, tetapi kurang sokongan di enam kerusi iaitu Kuala Linggi (-1.34 peratus pengurangan undi), Tanjung Bidara (-9.01 peratus), Pantai Kundor (-5.39 peratus), Rim (-1.49 peratus), Serkam (-4.14 peratus) dan Sungai Rambai (-3.25 peratus). Lebih banyak calon bermakna lebih banyak peluang mendapat undi, yang turut menjelaskan mengapa GERAKAN menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan ketara (5 calon pada 2021 berbanding 1 calon pada 2018).

Satu pihak yang untung besar ialah BERSATU yang menggandakan undinya lebih dua kali ganda pada 2021. Perlu ditegaskan bahawa BERSATU meletakkan lebih banyak calon pada 2021 (15 calon) berbanding 2018 (6 calon). BERSATU juga perlu mengambil kira sokongan daripada penyokong PAS pada PRU 2018 untuk PRU DUN kali ini. Didapati juga BERSATU mendapat undi yang tinggi daripada etnik Melayu kerana penyokong Melayu dalam BERSATU dan daripada penyokong Melayu Tun Dr. Mahathir mengundi calon PN daripada BERSATU. Berkemungkinan juga BERSATU berjaya mendapat sebahagian daripada kurangan 27,106 undi pengundi BN yang menurun antara PRU 2018 dengan PRU DUN Melaka 2021, serta kurangan 63,200 undi pengundi PH yang menurun antara PRU 2018 dengan PRU DUN Melaka 2021.

Bagaimanapun, BERSATU akan menjadikan PRU DUN Melaka sebagai asas untuk mengharungi pilihan raya yang lain pada masa akan datang. Sebagai contoh di Pantai Kundor, menyaksikan BN hanya menang dengan majoriti tipis iaitu sebanyak 827 undi. Calonnya, Tuminah Kadi memperoleh 3,960 undi, manakala calon PN/BERSATU, Mohamad Ridzwan pula berjaya memperoleh 3,133 undi sementara Datuk Nor Azman Hassan yang bertanding atas tiket PH/AMANAH mendapat 2,799 undi. Jelas, kombinasi undi PN dan PH yang diperoleh adalah 5,900 undi iaitu jauh daripada yang diperoleh calon BN. Ini bermakna perpecahan undi PN dan PH di kawasan itu telah menguntungkan BN. Selain itu, terdapat banyak lagi kawasan seumpama itu, iaitu perpecahan undi antara PH dan PN telah memberi keuntungan kepada UMNO dan BN. Ini amat berbeza dalam PRU-14, yang mana perpecahan undi antara BN dan Pas telah menguntungkan PH ketika itu.

Semua calon 28 calon PH iaitu daripada DAP, PKR dan AMANAH mengalami penurunan undi pada PRU DUN 2021. Di pihak PAS, perlu diingatkan bahawa parti itu meletakkan 24 calon pada pilihan raya 2018 dan hanya lapan kali ini. Namun parti tersebut mengalami peningkatan undi di semua kerusi yang ditandingi parti tersebut pada PRU DUN 2021 kecuali di DUN Duyong iaitu undi kepada parti tersebut menurun daripada 2,938 undi (PRU 2018) kepada 2,874 undi (PRU DUN Melaka 2021).

UMNO dan BERSATU saling berebut 11 kerusi majoriti etnik Melayu dan keputusan menunjukkan BERSATU secara umumnya dikalahkan oleh UMNO, kecuali BERSATU memenangi satu kerusi (Sungai Udang) dan di Tanjung Bidara (dengan perbezaan 5 peratus undi). PAS sebaliknya kalah teruk dalam berdepan UMNO di enam kerusi. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa PAS bersaing rapat dengan UMNO di Serkam - kalah dengan hanya 99 undi. UMNO, BERSATU dan PAS kesemuanya merayu undi di kubu Melayu. Pemenang yang jelas di Melaka ialah UMNO.

Pada PRU DUN Melaka 2021 secara keseluruhannya, BN berjaya undi popular tertinggi iaitu sebanyak 40 peratus (122,741 undi), diikuti PH (33 peratus/114,457 undi) dan PN (24 peratus/77,731 undi). Undi popular BN menurun antara PRU 2018 (149,847 undi) kepada 122,741 undi iaitu sebanyak 27,106 undi pada PRU DUN Melaka 2021. Undi popular PH turun mendadak antara PRU 2018 (175,657 undi) kepada 114,457 undi iaitu sebanyak 63,200 undi pada PRU DUN Melaka 2021. Pada PRU DUN Melaka 2021, PH mendapat undi yang lebih tinggi berbanding PN kerana sokongan padu pengundi Cina kepada parti tersebut, sedangkan undi Melayu terpecah tiga iaitu kepada BN, PN dan sebahagian kecilnya kepada PH.

Setiap gabungan parti politik ada hilang wang deposit. BN, PH dan PN masing-masing kehilangan dua deposit. Pada peringkat parti komponen, MCA dari BN dan Gerakan dari PN hilang wang deposit di Kota Laksamana dan Bandar Hilir. Ini adalah pertandingan yang kali pertama bagi MCA di dua kawasan ini. Bagi PH pula, PKR dan AMANAH masing-masing hilang wang deposit di Tanjung Bidara dan Ayer Limau. Bagaimanapun untuk PAS, pada PRU 2018, daripada 24 calonnya, 10 calon hilang wang deposit. Namun pada PRU DUN kali ini, mereka mempunyai rekod bersih.

Oleh itu, perubahan pola sokongan pengundi dan kejatuhan peratus keluar mengundi tersebut menunjukkan trend luar biasa yang menarik untuk dianalisis oleh pengkaji politik dan diambil pengajaran oleh pimpinan politik menuju pilihan raya umum akan datang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, PRU DUN Melaka menghasilkan kemenangan kepada kepada BN dengan majoriti dua pertiga bagi kerusi DUN namun undi popular parti tersebut menurun antara PRU 2018 (149,847 undi) kepada 122,741 undi pada PRU DUN Melaka 2021 dan dalam keadaan peratus keluar mengundi yang turun 20 peratus berbanding PRU 2018. Undi kaum Melayu terutamanya pengundi menetap majoritinya memihak kepada BN/UMNO manakala undi kaum Cina terus didominasi PH terutamanya DAP. Walaupun dalam keadaan peratus keluar mengundi menurun namun BN masih mendapat kepercayaan di 21 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Walaupun PN hanya menang di 2 kerusi DUN namun mereka menjadi pilihan atau alternatif kedua bagi pengundi Melayu manakala PH pula hanya mendapat tempat ketiga bagi undi Melayu. Namun, PRU DUN Melaka ini masih tidak dapat dijadikan indikator kepada sokongan pengundi dalam PRU-15 akan datang kerana pada pilihan raya tersebut peratus keluar mengundi masih rendah dan jika ada isu besar yang boleh meresahkan pengundi terutamanya pengundi atas pagar yang berada dalam lingkungan 20 peratus, pengundi muda dan juga pengundi luar, maka tidak mustahil senario PRU 2018 boleh berulang dengan jatuhnya kerajaan sedia ada.

RUJUKAN

- Abu Hanifah Haris. (2019). Melaka: makna di sebalik kejatuhan Barisan Nasional dan Kebangkitan Pakatan Harapan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amalina Anuar & Chan Xin Ying. (2020). Gambling on grievances. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- Goo Lee Ping. (2002). *Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding Chin Wei (2018). *Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka*. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ding Chin Wei & Junaidi Awang Besar. (2018a). Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka. *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2018 (PERSADA 2018)*. Tempat: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Tarikh 12 dan 13 Mei 2018 (Sabtu dan Ahad).
- Ding Chin Wei & Junaidi Awang Besar. (2018b). Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(3) Sept 2018: 1-22.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Melaka dalam geopolitik Malaysia pada pra PRU-14, PRU-14 dan pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(24): 144-176.
- Junaidi Awang Besar & Lam Kuok Choy. (2021). Runtuhnya Penguasaan BN di Melaka dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff. *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 353-388. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO/BN melalui Sokongan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. *Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII, 2011*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November 2011.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Peranan Pengundi Melayu Dalam Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO Dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos (Editor). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Heng Huat, William (1992) *Politik perkauman di Kota Melaka: Satu analisa daripada pilihanraya umum dari tahun 1969 hingga 1990*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

MAKLUMAT PENULIS

JUNAJDI AWANG BESAR

Program Geografi

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, Bangi, Selangor

jab@ukm.edu.my